

# Ghazali: Kerajaan negeri kurang arif

UM 24 AUG 2002

**K**UALA LUMPUR 23 Ogos - Pelantikan wakil khas bagi membaca khutbah dan mengimamkan sembahyang Jumaat di Masjid Losong Haji Mat Shafie di Terengganu, baru-baru ini mencerminkan kerajaan negeri itu kurang arif tentang adab menyambut tetamu.

Setiausaha Jawatankuasa masjid itu, Datuk Ghazali Ahmad berkata, Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang sendiri sepatutnya menjadi imam dan khatib sekiranya ingin menghormati Perdana Mentari, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, pada masa itu.

"Saya punya pandangan bahawa Abdul Hadi seolah-olah tidak tahu adab untuk menghormati pemimpin negara," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata, cara Abdul Hadi nyata berbeza dengan layahan yang diberikan oleh Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang turut mengiringi Dr. Ma-

hathir dalam beberapa program semasa beliau berkunjung ke negeri itu.

Ujarnya, selain Abdul Hadi, pemimpin Pas lain yang hadir pada hari tersebut juga tidak menggam-barkan bahawa mereka menghormati Perdana Menteri.

"Kehadiran ahli dan pemimpin Pas lebih kepada urovokasi terhadap kariah masjid berkenaan," jelasnya.

Beliau mengulas kenyataan Abdul Hadi yang disiarkan semalam bahawa pelantikan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu, Datuk

Hussain Awang membaca khutbah dan mengimamkan sembahyang Jumaat sebagai tanda menghormati pemimpin negara.

Dalam kejadian Jumaat lalu, Hussain cuba mengambil alih tugas imam dan

khatib tetap di masjid itu semasa Dr. Mahathir sembahyang di masjid berkenaan, atas alasan sebagai khatib tamu selepas diarahkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT).

Keadaan menjadi kecoh apabila berlaku perebutan tugas, namun dengan campur tangan beberapa pihak termasuk Ghazali sendiri, satu persetujuan dicapai bagi membolehkan Muhammad Abu Bakar meneruskan tugas sebagai khatib.

Bagaimanapun, Hussain kemudian mendahului Muhammad dan mengambil tempat sebagai imam solat.

Hussain juga didakwa sengaja membawa surah yang menyindir Perdana Menteri semasa menjadi imam pada hari itu.